

16 MAY 1996

MB BARU KEDAH HANYA SELEPAS PM PULANG, KATA ANWAR

KUALA TERENGGANU, 16 Mei (Bernama) -- Perlantikan Menteri Besar Kedah yang baru hanya akan dilakukan selepas Perdana Menteri pulang daripada lawatannya ke luar negara, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini melawat Jepun dan akan berlepas untuk lawatan ke Amerika Syarikat Sabtu ini, dijangka pulang pada 24 Mei.

Anwar berkata demikian kepada pemberita di sini hari ini apabila ditanya bilakah perubahan Menteri Besar Kedah akan dilakukan.

Menteri Besar Tan Sri Osman Aroff telah mengemukakan surat perletakan jawatannya kepada Dr Mahathir.

Ekoran itu, orang yang disebut-sebut menggantikannya ialah bekas Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid, anggota Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Kuah. -- BERNAMA

SBJ AU NMO